

23 NOV 2001

Kasitah-PBS

KEMASUKAN SEMULA PBS DALAM BN BAIK BAGI KESTABILAN POLITIK

KOTA KINABALU, 23 Nov (Bernama) -- Hasrat Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai semula Barisan Nasional (BN) adalah baik bagi Sabah kerana ia boleh menyumbangkan kepada kestabilan politik yang berkekalan, kata seorang pemimpin kanan negeri hari ini.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam berkata langkah itu akan meyakinkan lagi Kerajaan Persekutuan untuk membawa lebih banyak pembangunan sosio-ekonomi dan juga memperkukuhkan perpaduan kebangsaan.

"Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan, atas nama `Huguan Siou' ataupun pemimpin teragung masyarakat Kadazandusun masih mempunyai sokongan kuat daripada kalangan Bumiputera bukan Islam di Sabah," kata beliau di sini.

Kasitah mengulas mengenai keputusan PBS untuk kembali ke pangkuan BN selepas 11 tahun berada di barisan pembangkang. PBS menarik diri daripada BN sehari sebelum pilihan raya umum 1990.

Beliau berkata walaupun tanggapan sekarang ialah sokongan bagi PBS semakin merosot, parti pembangkang itu masih menikmati sokongan baik daripada kalangan Bumiputera bukan Islam, khasya masyarakat Kadazandusun, kumpulan etnik terbesar di Sabah.

Kasitah yang juga Ketua Umno Kinabalu berkata, keputusan PBS untuk menyertai semula BN menunjukkan yang masyarakat bukan Islam menyokong sepenuhnya sistem berbilang kaum pada BN.

"Ia juga menunjukkan yang dasar-dasar kerajaan BN tidak perlu ditakuti, khasnya deklarasi Perdana Menteri baru-baru ini yang Malaysia ialah sebuah negara Islam.

Pada 16 Nov, Pairin mengemukakan kertas permohonan parti untuk menyertai semula BN kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di Putrajaya. Dr Mahathir juga merupakan pengerusi BN.

-- BERNAMA

NT PR